

# **GAGASAN NARATIF DALAM PASCA MODEN: CABARAN TERHADAP ORENTASI PENDIDIKAN ISLAM**

Oleh

Prof Madya Aminuddin Ruskam Al-Dawamy  
Universiti Teknologi Malaysia  
Tel: 07-5535057/019-7664162 (fax: 07-5530035)

## **ABSTRAK**

Perbincangan ini ditumpukan kepada isu naratif besar dan naratif kecil dalam pemikiran pasca moden. Gagasan naratif besar mengimplikasikan kesan penerimaan dan penolakan naratif kecil. Naratif besar merujuk kepada “pandangan dunia, ilmu mahupun teori yang menganggap dirinya menyeluruh lagi benar. Ini meliputi semua disiplin ilmu dan bidang kehidupan termasuklah agama, sains atau fahaman-fahaman seperti positivisme, sosialisme, demokrasi liberal, strukturalisme dan feminisme”. Fenomena ini menyebabkan ada kecenderungan menggantikan naratif besar dengan naratif kecil khususnya dalam konteks ilmu yang tidak menyeluruh dan dakwaannya terhadap kebenaran adalah terhad dan kontekstual. Idea ini mempunyai implikasinya yang tersendiri, pertama kepada Islam yang mendasari orientasi pendidikan masyarakat Islam. Berkaitan dengan implikasi idea ini kepada Islam, penolakan naratif besar agak dibimbangi kerana ia boleh mencabar berbagai aspek kehidupan termasuklah agama dan prinsip pendidikannya. Penolakan naratif besar bermakna semua yang disebut oleh agama akan diketepikan sebagai tidak bererti dan palsu belaka. Kedua kepada kemunculan kelompok kecil yang menuntut haknya. Ada kumpulan kecil yang positif sifatnya seperti ibu tunggal, anak-anak yatim dan golongan miskin dan ada yang negatif sifatnya seperti makyah, muzik rock, rockers, gay dan lesbian.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pemikiran pasca moden bermula sekitar tahun 1930an dengan kemunculan seorang pengarang Belanda yang bernama *Federio De Onis* dalam bukunya “*Antologia De La Poesia Espanola A Hispanoamericana*” pada tahun 1934 (Featherstone, 1988:202). Kemudian muncul pula beberapa pemikir Barat seperti Jean Francois Lyotard, Michel Foucault, Jacques Derida, Habermas dan Jean Baudrillard. Pasca moden merupakan respon atau reaksi terhadap pemikiran moden. Walaupun ia bukanlah pemikiran perdana tetapi pengaruhnya meresap masuk dan mencabar berbagai bidang ilmu seperti pendidikan, pemikiran, kerohanian, keagamaan, kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan. Premis pemikirannya mendominasi budaya agung kapitalis yang mencabar relevansi agama dan ketuhanan dimana ia merupakan instrumen asas dalam orientasi pendidikan Islam.

## **2.0 GUGATAN PASCA MODEN TERHADAP MODENISME**

Warga dunia abad ke-21, menghadapi cabaran, pergolakan besar serta mengalami perubahan moden dalam metodologi berfikir. Bidang ilmu terus berkembang dengan berbagai metodologi dan cabaran baru. Untuk memainkan peranannya dengan lebih berkesan, sarjana akademik wajar peka terhadap beberapa perkembangan dan cabaran baru, baik dalam bidang pemikiran, pendidikan dan kemasyarakatan. Kecenderungan kepada tema pasca moden bukanlah tanpa alasan. Pemikiran ini pada awalnya lahir sebagai reaksi kritis dan reflektif terhadap paradigma modenisme yang dipandang gagal menuntaskan permasalahan kehidupan yang mengakibatkan munculnya berbagai patologi (penyakit) social. Pauline M. Rosenau (1992:10) dalam kajiannya mengenai postmodenisme dan ilmu-ilmu sosial, mencatat sekurang-kurangnya lima alasan penting gugatan postmodenisme terhadap modenisme.

Pertama: Modernisme dipandang gagal mewujudkan pemulihan ke arah masa depan kehidupan yang lebih baik sebagaimana diharapkan oleh para pendukungnya.

Kedua: Ilmu pengetahuan moden tidak mampu melepaskan diri daripada penyalahgunaan otoriti keilmuan demi kepentingan kekuasaan.

Ketiga: Terdapat banyak kontradiksi antara teori dan fakta dalam perkembangan ilmu-ilmu moden.

Keempat: Ada semacam keyakinan bahwa ilmu pengetahuan moden mampu memecahkan segala persoalan yang dihadapi manusia. Namun ternyata keyakinan ini keliru dengan munculnya berbagai patologi sosial.

Kelima: Ilmu-ilmu moden kurang memperhatikan dimensi mistik (ghaib) dan metafizik manusia karena terlalu menekankan atribut fizik individu.

Fokus gubahan terhadap pemikiran pasca moden begitu kontroversi kerana ia tiada makna yang kukuh. Fenomenanya merentasi semua disiplin ilmu. Istilah ini digunakan untuk menggambarkan keadaan selepas moden. Ia terdiri daripada tiga komponen yang saling berkait iaitu sejarah, perkembangan budaya dan juga pemikiran. Ia adalah aliran atau gerakan intelektual yang merupakan reaksi terhadap kegagalan manusia menciptakan dunia yang lebih baik. Masyarakat pasca ini mempunyai ciri-ciri seperti orientasi masa depan dan imaginasi inovatif, penghapusan imej agama atau innoklatif, kemajuan teknologi dan promosi budaya popular (Shaharom TM Sulaiman, 2000)

Menurut Ziauddin Sardar pula fahaman pasca modernisme merujuk kepada bahagian atau fasa terakhir daripada ekspresi sekularisma Barat, ia membuat serangan secara mendatar ke atas semua unsur fundamentalisme. Dalam kata lain, fahaman ini membuat serangan hebat ke atas semua bentuk keyakinan yang mengatakan bahawa terdapat suatu kebenaran yang mutlak; sama ada kebenaran tersebut diasaskan kepada wahyu Ilahi atau usaha akal rasional kemanusiaan (Tomas Gerholm, 1994: 209-210) Operasinya merangkumi berbagai bidang ilmu seperti seni bina, kesusasteraan, muzik, fesyen, komunikasi, pendidikan, sosial ekonomi dan politik. Oleh itu cabaran pemikiran pasca moden pastinya menyentuh soal idea perubahan dalam konteks pendidikan dan pembangunan masyarakat. Cabaran ini lahir dalam aliran moden apabila sumber pengetahuan dilandaskan kepada kaedah saintifik. Kaedah ini membenarkan pembuktian saintis terhadap hipotesis, lalu memberitahu dunia bahawa saintis ada kuasa merubah alam benda (Aminuddin Ruskam al-Dawamy, 2001: 33)

### **3.0 KAREKTER SOSIOLOGI PASCA MODEN**

Merujuk kepada tulisan Akbar S. Ahmed (1992: 143-144), dalam bukunya "*Postmodernisme and Islam*" beliau memaparkan watak, ciri atau karakter sosiologi postmodernisme antara ialah:

Pertama: Timbulnya pemberontakan secara kritis terhadap projek modernisme, memudahkan kepercayaan pada agama yang bersifat transenden dan semakin diterimanya pandangan pluralisme-relativisme kebenaran.

Kedua: Meledaknya industri media massa sehingga ia dianggap kesinambungan sistem indera, organ dan saraf manusia. Selanjutnya, kekuatan media massa telah menjelma menjadi agama dan tuhan baru yang menentukan kebenaran dan kesalahan perilaku manusia.

Ketiga: Munculnya etnik yang radikal dan keagamaan. Fenomena ini muncul sebagai reaksi dimana masyarakat meragukan kebenaran ilmu, teknologi dan falsafah moden. Ia dinilai gagal memenuhi janji emansipasi untuk membebaskan manusia dan menciptakan kehidupan yang lebih baik.

Keempat: Semakin besar wilayah perbandaran (urban area) sebagai pusat kebudayaan dan sebaliknya,

wilayah perdesaan (rural area) sebagai daerah terpinggir. Pola ini juga berlaku bagi menguatkan dominasi negara maju (Negara Dunia Pertama) atas negara membangun (Negara Dunia Ke-3).

Kelima: Semakin terbukanya peluang bagi pelbagai kelas sosial atau kelompok minoriti untuk mengemukakan pendapat secara lebih bebas dan terbuka. Era postmodernisme turut mendorong fahaman dan proses pendemokrasian.

Keenam: Munculnya kecenderungan yang menimbulkan campur aduk pelbagai nilai, keyakinan dan serpihan realiti sehingga sulit untuk mempertahankan suatu budaya kerana saingan kelompok budaya eksklusif.

Ketujuh: Bahasa yang digunakan dalam diskusi postmodernisme seringkali dikesan tidak lagi memiliki kejelasan makna dan konsistensi sehingga bersifat paradoks (bertentangan dengan pendapat atau penerimaan umum).

Karakter atau sifat lain postmodernisme adalah berbentuk wacana yang cuba membincangkan kembali batas, implikasi, realisasi dan asumsi modernisme; kehairahan untuk memperluas cakrawala estetika, tanda dan kod seni moden; wacana kebudayaan yang ditandai dengan kejayaan kapitalisme, penyebaran informasi dan teknologi secara massif, meledaknya konsumerisme, lahirnya realiti semu (palsu, pura-pura), dunia hiperrealiti dan simulasi. (Medhy Aginta Hidayat, 2000:1)

#### 4.0 NARATIF BESAR DAN NARATIF KECIL

Naratif berasal dari perkataan Inggeris iaitu narrative atau narate. Ia bermakna menceritakan atau mengisahkan. Contoh ayat "*The storyteller was good narrating folktales*" (penglipurlara itu pandai mengisahkan cerita-cerita rakyat) "*He narrate the events leading to the crime*" (Dia menceritakan peristiwa-peristiwa yang menyebabkan terjadinya jenayah itu) (An English-Malay Dictionary, 1999: 1014). Apabila istilah narrative digabungkan dengan perkataan metanarratives, maka "*meta*" bermakna "*beyond*" iaitu disebalik. Ini bermakna bila Jean Francois Lyotard menyebut "*incredibility toward metanarratives*" ia bererti "*ada maksud disebalik suatu penceritaan atau pengisahan walaupun ia sukar dipercayai*"

Falsafah naratif begitu berkaitan dengan kemunculan kumpulan-kumpulan kecil dan terpinggir. Mereka cuba menunjukkan kehadiran mereka serta menuntut hak sebagai sebahagian dari ahli masyarakat. Isu pokok ketika membincangkan persoalan ini ialah dominasi naratif besar yang membawa penafian atau penerimaan terhadap naratif kecil. Prof Dr Md. Salleh Yaapar (2000) ketika menjelaskan "*Cabaran Pemikiran Pasca moden*" menyebut bahawa naratif besar merujuk kepada "pandangan dunia, ilmu mahupun teori yang menganggap dirinya menyeluruh lagi benar. Ini meliputi semua disiplin ilmu dan bidang kehidupan termasuklah agama, sains atau fahaman-fahaman seperti positivisme, sosialisme, demokrasi liberal, strukturalisme dan feminisme"

Idea naratif ini tidak disenangi kerana potensinya untuk meminggirkan naratif lain yang tidak atau belum berjaya mendapat kedudukan yang kukuh. Itulah sebabnya ada kecenderungan menggantikan naratif besar dengan naratif kecil khususnya dalam konteks:

*"Ilmu yang tidak menyeluruh dan dakwaan-dakwaannya terhadap kebenaran adalah terhad dan kontekstual"*

Gagasan naratif mempunyai implikasinya yang tersendiri, pertama kepada Islam yang mendasari konsep pendidikan Islam dan kedua kepada apa yang dikenali sebagai kemunculan kelompok kecil yang terpinggir. Implikasi idea ini kepada Islam, dominasi naratif besar dibimbangi kerana ia boleh mencabar berbagai aspek kehidupan termasuklah agama dan prinsip pendidikannya. Ini kerana

“agama yang betul pastinya diasaskan pada kebenaran yang universal dan hakiki. Islam dan sistem pendidikannya, memang menawarkan satu pandangan dunia yang lengkap dengan jalan hidup yang dapat menjamin kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat. Dominasi naratif besar bermakna semua yang disebut oleh agama akan diketepikan sebagai tidak bererti dan palsu belaka.

Penerimaan naratif kecil pula, menurut Prof Dr Salleh Yaafar (2000) ialah “...menganalisis pertumbuhan puluhan naratif kecil di Eropah dan Amerika Utara termasuk berbagai bentuk agama dan budaya *New Age* bersama gaya hidup *New Wave*. Ia juga telah menganalisis kebangkitan semula agama rakyat (folk religion) di Barat. Sekalipun, Islam diterima sebagai naratif kecil, maka tarafnya samalah seperti naratif kecil yang lain (seperti agama *New Age* atau *Facisme*). Sedangkan Islam adalah lebih agung daripada idea-idea atau teori-teori buatan manusia”

Prof Madya Dr Siddiq Fadhil (2000) ketika membicarakan “*Islam dan Cabaran Pasca modenisme: Satu Perbincangan Awal*” melihat idea naratif kecil ini sebagai sesuatu yang negatif bagi Islam. Menurut beliau, “... ada peneliti yang menaruh harapan bahawa pasca modenisme dengan sifatnya yang menolak naratif besar dan bersimpati terhadap naratif kecil akan memberi ruang yang lebih luas kepada Islam.” Namun “harapan tersebut tidaklah begitu cerah kerana pada tahap global Islam merupakan salah satu naratif besar yang ditolak oleh pasca modenisme” Dalam batas tertentu semangat pluralisme memang selaras dengan Islam. Bagaimanapun, pluralisme yang diaplikasikan bukan pada tempatnya akan mengakibatkan Islam itu sendiri dipluralkan sehingga akan wujud bermacam-macam Islam (Islam moden, Islam konvensional, Islam hadhari), walhal Islam adalah agama tauhid, syariat Islam hanya satu dan kaum muslimin adalah satu umat.”

Implikasi kedua idea penolakan naratif besar ini ialah wujudnya kelompok-kelompok kecil yang terpinggir. Bagi Prof Dr Md. Salleh Yaafar (2000) melihat perkembangan ini sebagai satu kelebihan. Ini kerana, ia menekankan kepada “... unsur-unsur kesamarataan, akomodasi, toleransi, rendah diri dan penolakan hegemoni. Inilah daya tarik post-modenisme khususnya di kalangan mereka yang terdesak dan tertekan, sikapnya yang lebih prihatin kepada suara atau kelompok kecil yang terpinggir.”

Walaupun idea penerimaan naratif kecil ini memberi ruang kepada golongan terpinggir seperti golongan miskin, ibu tunggal, etnik minoriti dan sebagainya, tidak semua golongan terpinggir yang timbul itu positif sifatnya untuk ditangani. Ini kerana lahir juga golongan terpinggir yang negatif dari segi idea-idea yang mereka bawa seperti golongan gay, lesbian, mak nyah, black metal, heavy rock, sister in Islam dan pemikiran ingkar al-sunnah (anti hadis)

Kemunculan golongan naratif kecil ini disentuh oleh Profesor Dr Zainal Kling (2000) dalam bicara “*Pasca-Modenisme dan Teori Sosial*”. Menurut beliau, pemikir pasca moden ini adalah mereka yang kecewa dengan ketidakadilan sistem sosial yang kemudiannya mengakibatkan wujudnya;

*“Kalangan awam, rendah serta kurang daya dan orang lain menganggapnya sebagai sampah yang merempat. Golongan sampah, terpinggir dan tertindas ini muncul dengan berbagai nama seperti gay, feminis, black, seniman pop dan kemudian golongan etnik minoriti. Mereka bangun menolak dan mengutuk nilai asas masyarakat mereka untuk mencipta gerakan sosial yang amat meluap bagi kebebasan baru, liberation, inclusion dalam gerakan politik, ekonomi, budaya dan sosial mereka”*

Tegasnya inilah idea naratif kecil yang dibawa oleh pasca modenisme, memungkinkan memberi kesan langsung ataupun tidak langsung kepada Islam serta masyarakatnya. Idea naratif kecil inilah yang menjadi salah satu punca mengapa munculnya golongan-golongan yang diistilahkan sebagai golongan terpinggir yang cuba mendapat tempat dan hak mereka. Walaupun idea-idea yang mereka bawa itu jelas bertentangan dengan orientasi pendidikan, agama dan susila budaya, tetapi golongan minoriti ini mendapat dokongan pihak-pihak atau individu tertentu seperti media atau kalangan ahli politik.

## 6.0 GAGASAN NARATIF: CABARAN TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM

Penumpuan yang berat sebelah kepada model pemikiran pasca moden yang didokong oleh negara ummat Islam, telah melahirkan sosiobudaya yang negatif, khususnya dalam konteks pendidikan dan pembinaan insan. Apabila agenda mencorakkan gaya hidup moden berlangsung tanpa melalui proses tapisan, maka impaknya merebak sehingga menimbulkan berbagai masalah sosial yang bertentangan dengan orientasi pendidikan dan sosiobudaya tempatan. Tanpa asas moral dan nilai-nilai spiritual yang kukuh yang berteraskan Islam, fenomena naratif akan berkembang dengan meluas. Operasinya berskala global dan berupaya diarusperdanakan menjadi naratif besar atau naratif kecil. Oleh itu, ada kewajarannya apabila gagasan pemikiran yang berpaksikan materialistik dan hedonistik sering dicurigai oleh sarjana dan tokoh-tokoh pendidikan.

Prof Dr Mohd Kamal Hassan (1981) pula dalam kertas kerjanya, *Pembangunan Manusia Secara Sepadu dan Implikasinya ke Atas Pendidikan Kebangsaan*, antara lain memperkatakan beberapa aspek negatif yang dilahirkan oleh pembangunan *hedonisme*. Sungguhpun pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) dan pendapatan perkapita bagi negara-negara yang mengamalkan model-model di atas meningkat, tetapi masalah-masalah seperti inflasi, kesesakan kota, ketidaksamarataan pendapatan, pengangguran, pembaziran sumber-sumber alam dan tenaga, krisis perumahan, pencemaran alam sekitar dan sebagainya terus juga bertambah dan menggugat ketenteraman hidup. Penyakit-penyakit sosiobudaya seperti "kehilangan adab" (*culcure loss*) dan pemujaan kepada gaya hidup *sensasi* yang berpaksikan hedonisme nafsu seperti budaya hiburan, budaya dadah, budaya disko, perjudian, eksploitasi wajah dan tubuh wanita, filem-filem yang membangkitkan nafsu, budaya mempertontonkan barang-barang mewah sebagai lambang dan status sosial, keruntuhan institusi keluarga dan lain-lain penyakit sosiobudaya masyarakat turut juga meningkat bahkan semakin menjadi-jadi.

Gejala tersebut lazimnya dianggap sebagai akibat langsung daripada metodologi berfikir yang berteraskan hedonisme dan kesukaan di mana aspek-aspek moral dan kerohanian dilihat sebagai aspek pinggir, kurang penting, dan wujud berasingan daripada kegiatan dan arus pemikiran pasca moden samada dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya manusia. Natiujahnya ialah sebahagian besar nilai-nilai moral dan kerohanian tidak menjadi dasar yang memimpin tingkah laku dan kegiatan institusi-institusi tadi. Oleh yang demikian, teras pendidikan Islam adalah software asas yang menjadikan nilai-nilai moral dan kerohanian menjadi dasar yang memimpin setiap kegiatan ilmu, ekonomi, politik dan budaya manusia. Ia juga bermakna penerapan dan pelaksanaan titah perintah Allah (*the will of Allah*) berlangsung dalam segala bidang kehidupan (Aminuddin, 2001: 5)

Konsep pendidikan Islam amat berbeza dengan konsep pendidikan konvensional. Islam melihat pendidikan sebagai alat, bukan matlamat akhir seperti konsep pendidikan yang difahami pemikir Barat. Falsafah pendidikan konvensional bersifat terpisah-pisah yang diukur berdasarkan kejayaan, kecekapan, kepandaian, dan profesionalisme. Sedangkan dalam Islam, pendidikan itu bersifat menyeluruh, tidak diukur pada ukuran lahiriah, melainkan ia benar-benar dapat menempatkan dirinya untuk menikmati kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Pendidikan konvensional hanya berpandukan akal dan pengalaman semata-mata sedangkan pendidikan dalam Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Khurshid Ahmad (1980), setidaknya-tidaknya ada empat konsep asas pendekatan pendidikan yang harus diambil perhatian

### i. Konsep tauhid

Tauhid adalah petanda dan bukti komitmen kepercayaan manusia kepada Allah dan menjadi acuan asas bagi manusia dalam mengadakan hubungan sesamanya (*hablun min al-nas*).

## **ii. Prinsip rububiyah**

Prinsip ini berfungsi sebagai fundamental undang-undang alam semesta yang mengatur cara dan proses bagaimana sumber daya alam (nikmat) Allah digunakan untuk pendidikan umat.

## **iii. Prinsip khalifah**

Prinsip khalifah menerangkan status atau kedudukan manusia sebagai wakil Tuhan berserta tanggungjawab makhluk kepada Penciptanya. Asas ini juga menunjukkan bagaimana Allah memberikan kepercayaan kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada moraliti, pendidikan, ekonomi, politik serta prinsip hubungan antarabangsa.

## **iv. Prinsip tazkiyah**

Prinsip ini dengan mudah dapat dilihat daripada fungsi dan tugas suci yang dilakukan semua para Nabi dalam membersihkan (menyucikan) dan membangun manusia dalam setiap tindak-tanduk, sama ada sesama manusia, alam sekitar, negara atau masyarakatnya. Ia merupakan kaedah yang digunakan untuk menangani isu kemaknusiaan dalam pelbagai aspek kehidupan untuk menuju kesempurnaan. Dengan cara ini kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat akan dapat diwujudkan melalui pemahaman berikut:

Pertama, konsep pendidikan dalam Islam sangat menyeluruh sifatnya mengatur pelbagai aspek kehidupan manusia, sama ada moraliti, spiritual dan material. Semua aspek ini bersepadu dan tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Pemisahan aspek ini dalam kehidupan manusia akan menyebabkan berlakunya kepincangan, di mana matlamat untuk mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat akan tergendala.

Kedua, pendidikan dalam Islam adalah pendidikan peribadi manusia. Manusia yang bertakwa akan memiliki kekuatan ilmu dan fizikal untuk berusaha dan bekerja. Ini menunjukkan bahawa pendidikan dalaman manusia seperti pendidikan sikap (akhlak), aspirasi, cita rasa dan motivasi manusia adalah sama fungsinya seperti faktor pengeluaran modal, buruh, pembangunan, kepakaran, organisasi dan keusahawanan. Tumpuan utama pendidikan Islam ialah pendidikan diri manusia dan bukan kebendaan atau paparan imej semata-mata. Oleh itu, untuk mencapai matlamat kejayaan, ia memerlukan pembaikan mutu diri manusia dan pembabitan yang menyeluruh.

Ketiga, pendidikan dalam Islam adalah berbilang dimensi. Semua faktor, sumber dan mutu manusia memainkan fungsi penting untuk mencapaimatlamat pendidikan umat. Falsafah pendidikan yang unggul tanpa disokong oleh keperibadian atau ketakwaan belum tentu akan menjamin keharmonian umat.

Keempat, pendidikan umat tidak terhad kepada pendidikan manusia dan faktor pengeluaran lainnya secara kuantitatif (jumlah), malah secara kualitatif (mutu). Inilah yang menjadi pembeza di antara konsep pendidikan Barat dengan Islam, yang mana konsep pendidikan versi Barat hanya diukur berdasarkan peningkatan kuantitatif, iaitu capaian luaran dan bukannya peningkatan moral dan spiritual.

Kelima, Islam mengharuskan penggunaan sumber alam secara optimum dan adil. Ia dipergunakan untuk mengeratkan hubungan kemaknusiaan secara adil dan bertanggungjawab sebagai tanda syukur mereka kepada Penciptanya. Ini menunjukkan bahawa proses pendidikan Islam perlu digerakkan dengan sifat syukur dan adil. Sifat angkuh, menceroboh, menindas, membuli, kufur, zalim, merampas hak orang lain adalah haram dan ditegah sekeras-kerasnya.

Jelaslah bahawa pendidikan dalam Islam bererti membangun spiritual, moral dan kebendaan seluruh masyarakat untuk mencapai kesejahteraan, sebagai usaha manusia untuk mendekat dan mengabdikan diri kepada Allah. Khursid Ahmad dan Louay Safi (1996) dalam bukunya *“Developmental Trends in Contemporary Muslim Experience”* bersetuju bahawa pembangunan hakiki perlu diwujudkan dengan reformasi moral, pendidikan intelektual dan organisasi.

Pengabaian hubungan di antara agama, spritual, psikologi, budaya dan kebendaan akan menjadi penghalang utama wujudnya pembangunan umat. Impak pendidikan Islam dapat dilihat berdasarkan arus perubahan sosial. Bentuk perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat, tidak terhad kepada perubahan positif semata-mata, tetapi juga memabitkan pembaikan unsur negatif yang ada pada diri manusia.

*“Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang dianugerahkan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”*  
(al-Anfal : 53)

Ayat di atas sangat jelas menggambarkan perubahan keadaan luaran dan mutu hidup manusia berlaku disebabkan perubahan dalaman manusia sendiri. Kerana itulah konsep khalifah merujuk pada fungsi memahami bahawa manusia sebagai pemegang amanah Allah di muka bumi. Al-Quran menggunakan istilah khalifah sesuai dengan tujuan dan matlamat manusia diciptakan.

*“Dan ingatlah oleh kamu sekalian ketika Allah menjadikan kamu sebagai khalifah selepas kaum ‘Aad dan memberikan tempat bagimu di bumi, kamu dirikan istana di tanahnya yang datar dan kamu pahat gunung untuk dijadikan rumah”*  
(al-A’raaf: 74)

Hakikatnya manusia sewajarnya waspada pada sebahagian kumpulan manusia yang dianugerahi kelebihan dengan kepandaian, kecerdikan, kepakaran, kedudukan, harta benda, kekuatan dan kemajuan agar tidak melupakan pengalaman sejarah mengenai bangsa yang angkuh dan sombong. Negara dan bangsa yang lalai akhirnya menerima kehancuran dan malapetaka.

*“Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat itu) Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka dan Kami ciptakan selepas mereka, umat yang lain?”* (al-Anam:6)

Tegasnya dalam proses perubahan sama ada kebahagiaan, kesusahan, kehancuran, kekuatan atau kemajuan, tidak berlaku tanpa adanya sebab musabab. Kemajuan dan kebahagiaan hidup yang sebenar dianugerahkan Allah kepada manusia kerana komitmen mereka terhadap pelaksanaan perintahNya.

*“Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad saw) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana menjadikan orang yang sebelum mereka: khalifah yang berkuasa; dan akan menguat dan mengembangkan agama mereka (Islam) yang direndai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan selepas mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). “Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak menyekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar selepas itu, maka mereka itulah orang yang derhaka”* (an-Nur: 55)

## **7.0 KESIMPULAN**

Walaupun menghadapi berbagai cabaran orientasi pendidikan Islam diyakini berupaya mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan Rabbul Jalil. Prinsip dan amalan pendidikan Islam adalah berteraskan elemen pendidikan rohani. Ia seharusnya menjadi pemimpin kepada elemen pemikiran dan kebendaan moden, bukan sebaliknya. Manusia sepatutnya memperhambakan material bukan diperhambakan oleh material. Orientasi pemikiran moden pada dasarnya harus atau wajar diterima oleh masyarakat Islam sekiranya ia membawa keuntungan kepada agama, masyarakat dan negara. Oleh itu maka teras utama pendidikan Islam adalah pengukuhan software aqidah dan keimanan manusia yang disumberkan kepada asas yang kukuh (al-Quran dan al-Sunnah). Muslim yang terdidik semestinya dapat membebaskan diri dari perangkap kesyirikan yang boleh merosakkan amal-amal kebajikan (amal soleh). Ia wajar dijadikan alat atau instrument untuk menghadapi pelbagai cabaran dengan proses saringan khususnya apabila muncul pelbagai idea dan pemikiran moden mahupun pasca moden.



## Daftar Rujukan

- Ahmed, Akbar, S (1992) *Postmodernism and Islam*, Routledge, New York.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy (1995) *Konsep Ilmu dan Kosmologi*, UTM: Skudai Johor
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy (1996) *Konsep Ilmu*, UTM: Skudai Johor
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy (2001) *Pasca Modenisisme*, dalam Modul Islam dan Isu-isu Semasa, UTM: Skudai Johor
- Azmi Shah Suratman (2000) *Catatan Awal: Pemikiran Pasca moden*, PPIPS: Skudai Johor
- Baudrillard, Jean, 1983, *Simulations*, Semiotext (e), New York.
- Calvin Goldscheider (1985) *Populasi, Modenisasi dan Struktur Sosial*, CV Rajawali: Jakarta
- Charles Jencks(1989) *What is Post-Modenisisme*, St Martin's Press: London
- Drs Sidi Ghazalba (1973) *Modenisisme Dalam Persoalan: Bagaimana Sikap Islam*. Bulan Bintang:Jakarta
- Featherstone, Mike (1988) *In Pursuit of The Postmodern: An Introduction, dalam Theory, Culture and Society Vol. 5*, Sage, London.
- Kamus Dewan (1994) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kamus Dewan (1999) An English-Malay Dictionary, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kellner, Douglas, 1994, *Baudrillard Reader*, Blackwell: Cambridge.
- Mehdy Aginta Hidayat (2000) *Kebudayaan Postmodern Menurut Jean Baudrillard*, ITB: Bandung
- Muhammad Umar Chapra (1979) *Objectives of the Islamic Economic Order*, The Islamic Foundation: Leicester
- Piliang, Yasraf, Amir, 1998, *Sebuah Dunia Yang Dilipat: Realitas Kebudayaan Menjelang Milenium Ketiga dan Matinya Postmodernisme*, Mizan, Bandung.
- Prof Dr Md Salleh Yaapar (2000) *Cabaran Pemikiran Pasca moden*, Kertaskerja Seminar Kebangsaan Keluarga, Komuniti dan Pendidikan: Menghadapi Pemikiran Pasca moden, 10-11 Okt 2000: Kuala Lumpur
- Prof Dr Zainal Kling (2000) *Pasca-Modenisisme dan Teori sosial*, Kertaskerja Seminar Kebangsaan Keluarga, Komuniti dan Pembangunan: Menghadapi Pemikiran Pasca moden, 10-11 Okt 2000: Kuala Lumpur
- Prof Dr Muhammad Kamal Hassan (1981) *Konsep Pembangunan Dalam Islam*, UKM: Bangi
- Prof Madya Dr Siddiq Fadhil (2000) *Islam dan Cabaran Pasca moden: Satu Perbincangan Awal*, Kertaskerja Seminar Kebangsaan Keluarga, Komuniti dan Pembangunan: Menghadapi Pemikiran Pasca moden, 10-11 Okt 2000: Kuala Lumpur
- Rosenau, Pauline M., 1992, *Postmodernism and Social Sciences: Insight, Inroads and Intrusion*,

Princeton University Press, Princeton.

Sarup, Madan, 1989, *An Introduction Guide to Post-Structuralism and Postmodernism*, The University of Georgia Press, Athens.

Shahrom T.M Sulaiman(1999) *Dari Pasca modenisme ke 'Cyberspace'* (101-122), Jurnal Pemikir,

Shahrom T.M Sulaiman (2000), *Membendung Serakah Arus Globalisasi* Berita Harian, 24 Mei, 2000.